



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel : +603-88849586 (Aras 3)

+603-88849370 (Aras 4)

Faks : +603-88849315

Laman Web : www.moe.gov.my

KP(BPSH-SPKIA)703/17 (16)

1 April 2014

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

**PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ASRAMA HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, terdapat 1,453 buah asrama harian yang terdiri daripada 703 asrama sekolah rendah dan 750 asrama sekolah menengah di seluruh negara yang menempatkan hampir 240 ribu murid di asrama tersebut. Dengan bilangan asrama dan jumlah murid yang menghuni asrama seperti yang dinyatakan di atas adalah amat perlu agar pengurusan dan pentadbiran asrama ini diberikan perhatian dan fokus serta dilaksanakan dengan berkesan untuk kepentingan murid yang tinggal di asrama terutama dalam aspek kebajikan dan pembangunan diri murid.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini melalui Transformasi Asrama Harian telah mengenalpasti beberapa inisiatif yang perlu diwujudkan dan dilaksanakan di semua asrama harian untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran asrama lebih berkesan dalam menjaga murid dan personel yang menguruskan asrama. Inisiatif yang perlu diberi keutamaan termasuklah :

- i. A5 : Jawatankuasa Pengurusan Asrama di Sekolah
- ii. A6 : Perancangan Strategik Pengurusan Asrama
- iii. A12 : Konsep "Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama"
- iv. A13 : Meningkatkan Kemudahan Pembelajaran di Asrama

(Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui Buku Ringkasan Fokus Transformasi Asrama Harian yang boleh dimuat turun melalui alamat www.moe.gov.my/v/Tranformasi-Asrama-AH)

4. Semua sekolah seharusnya telah mewujudkan Inisiatif A5 iaitu Jawatankuasa Pengurusan Asrama Sekolah yang dianggotai oleh Pengetua/Guru Besar, semua Guru Penolong Kanan dan guru-guru lain selaras dengan konsep "Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama" (Inisiatif A12). Jawatankuasa ini akan merancang

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4166

dan melaksanakan aktiviti/program pembangunan asrama dan murid asrama mengikut kepakaran/bidang masing-masing dan penerangan serta kefahaman melalui taklimat khas harus diberikan kepada semua **warga sekolah dan ibubapa murid asrama supaya memahami dan tahu peranan masing-masing** demi kepentingan murid.

5. Sesebuah organisasi yang cemerlang dan berkesan mestilah mempunyai perancangan, halatuju dan sasaran yang diinginkan. Melalui Inisiatif A6, semua asrama hendaklah mempunyai perancangan strategik masing-masing yang menyatakan secara terperinci **halatuju asrama dan sasaran** yang ditetapkan untuk dicapai. KPI yang ditetapkan hendaklah mengambil kira KPI peringkat kebangsaan, peringkat JPN dan PPD.

6. Salah satu fokus yang dikenalpasti ialah Inisiatif A13 iaitu meningkatkan kemudahan pembelajaran di asrama. Aspek ini perlu dilaksanakan serta merta dan pihak sekolah hendaklah memastikan supaya kemudahan pembelajaran terutama bilik persediaan/belajar hendaklah berada dalam keadaan **bersih, teratur, ceria dan kondusif** untuk murid membuat ulangkaji dan menyelesaikan kerja rumah/tugasan masing-masing.

7. Sehubungan itu, jasa baik YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada semua sekolah harian berasrama di bawah jabatan YBhg. Datuk/Tuan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung ke Bahagian ini melalui telefon 03-88849390 /9409/9394 atau e-mel bahrin@moe.gov.my atau juraidah.jalaluddin@moe.gov.my.


Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA “

Saya yang menurut perintah,


DATIN RASHIDAH BT MD YUSOF
b/p Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia